

**SIARAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

## **PEMERIKSAAN PERAKUAN BOMBA AKAN DIJALANKAN DI BEBERAPA STESEN MRT LALUAN KAJANG PADA 21 DAN 22 OGOS 2024**

**KUALA LUMPUR, 19 Ogos 2024** – Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) selaku pengendali perkhidmatan MRT Laluan Kajang ingin memaklumkan bahawa satu Pemeriksaan Perakuan Bomba oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JBPM WPKL) akan dijalankan di beberapa stesen MRT Laluan Kajang pada 21 dan 22 Ogos 2024.

Inisiatif ini adalah hasil kerjasama bersama JBPM WPKL dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) selaku pemilik asset bagi memastikan kesemua sistem pencegah kebakaran yang ada di stesen-stesen MRT ini berfungsi dengan baik sekiranya berlaku kecemasan dan mengenal pasti protokol keselamatan kebakaran yang berpotensi untuk diperbaiki.

Ini juga adalah usaha yang berterusan daripada semua pihak yang terlibat bagi menyediakan perjalanan dan persekitaran yang selamat untuk pengguna Rapid KL.

Pemeriksaan secara menyeluruh ini akan dilakukan selepas tamat waktu operasi perkhidmatan iaitu bermula jam 12.00 tengah malam sehingga jam 4.00 pagi.

Berikut adalah jadual Pemeriksaan Perakuan Bomba tersebut serta stesen-stesen yang terlibat: -

<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Stesen – Stesen Terlibat</b>
<b>Rabu, 21 Ogos 2024</b>	12.00 tengah malam – 4.00 pagi	1. Stesen Taman Tun Dr. Ismail 2. Stesen Phileo Damansara 3. Stesen Pusat Bandar Damansara 4. Stesen Semantan 5. Stesen Muzium Negara 6. Stesen Pasar Seni 7. Stesen Merdeka
<b>Khamis, 22 Ogos 2024</b>	12.00 tengah malam – 4.00 pagi	1. Stesen Bukit Bintang 2. Stesen Tun Razak Exchange 3. Stesen Cochrane 4. Stesen Maluri 5. Stesen Taman Pertama 6. Stesen Taman Midah 7. Stesen Taman Mutiara 8. Stesen Taman Connaught

Penduduk yang tinggal di kawasan sekitar stesen terlibat dinasihatkan agar tidak panik apabila mendengar penggera kebakaran dibunyikan. Ia adalah sebahagian dari aktiviti Pemeriksaan Perakuan Bomba yang dijalankan pada lokasi, tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas.

Bagi sebarang pertanyaan, pengguna boleh menghubungi talian khidmat pelanggan Rapid KL di 03 -7885 2585 atau merujuk pada laman media sosial Rapid KL untuk maklumat lanjut.

\*TAMAT\*

---

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, sebarang pertanyaan media sila hubungi pegawai komunikasi Rapid Rail Sdn Bhd

1. Noor Natasha Mohd Irwan 013-332 2900




CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS  
05 100 22000 05 100 22022  
05 100 22021 05 100 22023



CERTIFIED TO ISO 14001:2015  
CERT. NO.: EMS  
14 104 22004 14 104 22006  
14 104 22005 14 104 22007



CERTIFIED TO ISO 45001:2018  
CERT. NO.: OHSMS  
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027  
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028



CERTIFIED TO ISQM/EC 27001:2013  
CERT. NO.: ISMS 00941



CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT. NO.: ABMS 00129



FIRST ORGANIZATION TO  
RECEIVE FIVE ISO  
CERTIFICATION  
THROUGH INTEGRATED  
MANAGEMENT SYSTEM  
IN A SINGLE AUDIT